



KENYATAAN MEDIA
SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN (EAIC)

**EAIC SYOR TINDAKAN TATATERTIB DAN CADANGAN LAPORAN POLIS
BERKAITAN SIASATAN TERHADAP JABATAN PERIKANAN MALAYSIA**

UNTUK SIARAN SEGERA
5 OGOS 2025

EAIC telah menerima aduan terhadap Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) berhubung dua perkara berasingan, iaitu pemasangan semula tin-plate ke atas vesel nelayan Zon C yang tidak mematuhi pekeliling oleh DOF Daerah Tg Sedili serta aduan pelanggaran prosedur dalam proses kelulusan pindah pangkalan, ubah suai, penggantian enjin dan pindah milik lesen vesel Zon B oleh DOF Daerah Pontian. Berikutan aduan ini siasatan telah dijalankan mengikut subseksyen 27(4) Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [Akta 700].

HASIL SIASATAN

Bagi isu aduan melibatkan DOF Daerah Tg Sedili (Zon C):

- (i) Pegawai DOF telah mengarahkan pemasangan semula tin-plate yang telah dibuka tanpa kebenaran DOF oleh pemilik vesel Zon C selepas kerja pembaikan dijalankan. Tindakan ini melanggar Pekeliling Pelesenan Bil. 10 Tahun 2018 (Pekeliling Penggantian Tin-Plate);
- (ii) Arahan pemasangan semula tin-plate tersebut dikeluarkan oleh Pegawai DOF berkaitan tanpa mengetahui wujudnya Pekeliling Penggantian Tin-Plate yang menetapkan proses permohonan dan kaedah penggantian Tin-Plate yang telah dibuka, diubah, rosak atau diganggu;

- (iii) Siasatan EAIC mendapati tindakan pegawai DOF Tg Sedili tidak dilakukan dengan niat jahat (mala fide), dan Bahagian Kejuruteraan Ibu Pejabat DOF mengesahkan bahawa vesel Zon C yang terlibat adalah vesel asal.

Bagi aduan melibatkan DOF Daerah Pontian (Zon B):

- (i) Siasatan mendapati terdapat kesalahan yang melibatkan pelanggaran dasar dan prosedur dalam permohonan dan kelulusan pindah pangkalan, ubah suai dan penggantian enjin dan pindah milik lesen bagi sebuah vesel Zon B oleh DOF Daerah Pontian;
- (ii) Terdapat tindakan pemalsuan dokumen oleh pihak berkaitan dalam permohonan-permohonan tersebut semasa siasatan dijalankan; dan
- (iii) Permohonan pindah pangkalan, ubah suai dan pindah milik vesel Zon B telah melanggar dan tidak mematuhi dasar serta pekeliling yang ditetapkan oleh DOF; siasatan EAIC juga mendapati kelulusan yang diberikan turut melibatkan pegawai DOF Klang yang merupakan pangkalan asal bagi vesel tersebut;

SYOR

EAIC memutuskan untuk merujuk hasil siasatan kepada Pihak Berkuasa Tatatertib DOF dengan syor agar tindakan tatatertib diambil terhadap pegawai-pegawai terbabit di bawah Peraturan 38, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U.(A) 395/1993]. Syor ini dibuat berdasarkan beberapa kesalahan yang dikenal pasti iaitu kurang cekap, tidak jujur, tidak bertanggungjawab dan cuai dalam melaksanakan tugas, sebagaimana diperuntukkan di bawah Peraturan 4(2) peraturan yang sama.

EAIC juga mengesyorkan agar pihak DOF mengambil tindakan lanjut dengan membuat laporan polis berikutan penemuan unsur jenayah iaitu pemalsuan maklumat dalam permohonan pindah pangkalan, ubah suai vesel, penggantian enjin dan pindah milik lesen bagi vesel Zon B. Pemalsuan ini turut melibatkan beberapa pegawai DOF yang disyaki bersubahat dalam menyokong permohonan tersebut walaupun menyedari maklumat yang dikemukakan adalah palsu.

NOTA: PENGKELASAN ZON OLEH JABATAN PERIKANAN MALAYSIA

Zon A, Zon B dan Zon C merupakan pengkelasan kawasan operasi nelayan yang ditetapkan oleh Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) berdasarkan faktor geografi dan jenis aktiviti perikanan. Setiap zon mempunyai peraturan dan syarat tersendiri berkaitan lesen, pindah pangkalan, ubah suai serta pengurusan vesel. Pengkelasan zon ini bertujuan memastikan pengurusan sumber perikanan yang teratur dan pemeliharaan ekosistem laut secara lestari, selaras dengan dasar dan garis panduan DOF.

TAMAT

**SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN (EAIC)
PUTRAJAYA**

Untuk maklumat lanjut sila hubungi Unit Komunikasi Korporat EAIC di talian 03 8880 5719 / 03 8880 5721 / 03 8880 5731.